



## Kerjaya Pensyarah: Ibadah atau Musibah?

Sharifah Faigah Syed Atwi  
Mazlina Suhaimi  
Minah Dibok  
Ruaain Mustari

### ABSTRAK

*Kerjaya pensyarah dianggap sebagai bidang kerja yang mulia dan dihormati di kalangan masyarakat. Tugas pensyarah bukan hanya menyampaikan ilmu kepada pelajar dalam proses pengajaran dan pembelajaran malahan lebih daripada itu. Para pensyarah mempunyai tanggungjawab mendidik dan membentuk diri pelajar menjadi modal insan yang bermanfaat dan berjasa kepada diri dan kedua ibu bapa serta agama, bangsa dan negara. Persoalan yang timbul adalah adakah setiap pensyarah menyedari kemuliaan kerjaya pensyarah di sisi Allah s.w.t. yang mana, jika tanggungjawab sebagai pensyarah dilakukan dengan sempurna, ia boleh menjadi cabang ibadah dalam kehidupan. Tulisan ini cuba mengkaji kaitan kerjaya pensyarah dengan konsep ibadah dalam Islam. Seterusnya tulisan ini juga melihat sejauh mana kesedaran para pensyarah di Universiti Teknologi MARA (UiTM) Pahang tentang kaitan kerjaya mereka dengan konsep ibadah dalam Islam. Kefahaman para pensyarah tentang kaitan konsep ibadah dengan kerjaya mereka amatlah penting kerana ia menentukan sama ada kerjaya mereka mendapat pahala ibadah atau musibah iaitu mendapat dosa di sisi Allah s.w.t.*

**Kata Kunci:** *kerjaya, pensyarah, ibadah*

### Pendahuluan

Secara umumnya, setiap pekerjaan yang tidak bercanggah dengan syariat, dilakukan untuk mencari keredhaan Allah s.w.t. dan dilakukan dengan sebaik mungkin adalah merupakan ibadah di dalam Islam. Namun, tidak semua umat Islam memahami konsep sebenar ibadah di dalam Islam. Alangkah indahnya jika setiap perkara yang dilakukan merupakan ibadah kerana ia akan mendapat pahala di sisi Allah s.w.t.

Islam memandang mulia kerjaya guru atau pensyarah kerana Rasulullah s.a.w. sendiri merupakan guru terbaik yang dijadikan oleh Allah s.w.t. kepada umat manusia. Persoalannya, adakah setiap pensyarah mengetahui betapa kerjaya mereka boleh menjadi jalan membawa mereka ke syurga atau ke neraka? Konsep kerjaya dan konsep ibadah dalam Islam serta tanggungjawab sebagai pensyarah Universiti Teknologi MARA (UiTM) perlu difahami sepenuhnya oleh setiap pensyarah agar kerjaya mereka bertepatan dengan kehendak syariat dan mendapat keredhaan dan keberkatan di sisi Allah s.w.t.

### Pengertian Kerjaya

Kerjaya merupakan perkara penting dalam kehidupan setiap orang untuk menanggung diri sendiri dan keluarganya. Berbagai jenis kerjaya yang boleh dan harus dilakukan asalkan ianya mengikut panduan-panduan yang terkandung dalam syariat Islam.

### Konsep Kerjaya Menurut Islam

Perkataan kerjaya berasal daripada kata kerja “kerja” yang bermaksud usaha (kegiatan, urusan) yang bertujuan untuk menghasilkan (menyelesaikan, menyediakan dan sebagainya) sesuatu (Kamus Dewan 2002: 606). Oleh itu, kerjaya bermaksud penglibatan yang berterusan serta perkembangan dan kemajuan seseorang di dalam sesuatu lapangan (profesion) biasanya sebagai cara mencari kehidupan (Kamus Dewan 2002: 608)

### Kedudukan Kerjaya dalam Islam

Kerjaya mempunyai taraf kedudukan yang mulia di dalam ajaran Islam berbanding kepercayaan-kepercayaan mengenainya dalam agama-agama lain misalnya:

- i. Kebudayaan Greek Lama menganggap para pekerja (terutama yang tidak menggunakan kepakaran akal fikiran)

mempunyai status yang rendah dan hina. Patung-patung yang menggambarkan Tuhan Pekerjaan juga telah diukir dengan rupa paras dan anggota badan yang buruk, cacat dan bengis (Labib 1987: 2).

- ii. Agama Yahudi dan Nasrani menganggap pekerjaan itu sebagai satu pembalasan Tuhan ke atas manusia yang terpaksa menanggung dosa yang dilakukan oleh Bapa mereka, iaitu Nabi Adam ketika di syurga.
- iii. Ramai penulis cerita Barat di abad ke dua belas Masihi (selepas Revolusi Industri) yang memandang rendah terhadap masyarakat perindustrian kerana mereka menganggap ianya akan mengakibatkan terhapusnya nilai-nilai kemanusiaan.

Kerjaya amat dituntut dan digalakkan di dalam Islam. Ia dinilai sebagai satu anugerah (nikmat) dari Allah s.w.t. dan akan mendapat ganjaran pahala jika ditunaikan menurut syarat-syarat yang ditentukan (sebagai ibadat). Terdapat banyak ayat al-Quran yang berkaitan dengan pekerjaan berbagai bidang seperti perusahaan besi, logam, emas, industri pakaian, pertukangan, pembinaan, perkapalan, perburuan, pertanian, penternakan dan sebagainya.

Agama Islam memerintahkan agar umatnya bekerja untuk mencari rezeki dengan usaha sendiri dan tidak mengharapkan orang lain sahaja. Baginda Rasulullah s.a.w. sendiri melakukan banyak kerja sehingga bengkak tangannya. Demikian juga para Nabi yang lain yang mana mereka telah melakukan kerja-kerja seperti (Labib 1987:14):

- i. Nabi Idris sebagai tukang jahit.
- ii. Nabi Sulaiman membuat bakul daripada daun-daun tamar.
- iii. Nabi Isa menjual hasil tenunan ibunya dan juga sebagai tukang celup kain.
- iv. Nabi Muhammad s.a.w mengembala kambing ketika kanak-kanak dan berniaga waktu remajanya.

### Dalil Al-Quran dan Al-Sunnah bagi Galakan Bekerja

- i. Firman Allah s.w.t. yang bermaksud:

*“Wahai sekalian manusia! Makanlah dari apa yang ada di bumi, yang halal lagi baik, dan janganlah kamu ikut jejak langkah syaitan, kerana sesungguhnya syaitan itu ialah musuh yang terang nyata bagi kamu.”*

(al- Baqarah: 168)

- ii. Maksud firman Allah s.w.t. lagi:

*“Wahai orang-orang yang beriman, janganlah kamu makan (gunakan) harta-harta di antara kamu dengan jalan yang salah tipu, judi dan sebagainya), kecuali dengan (jalan) perniagaan yang dilakukan secara suka sama suka di antara kamu. Dan janganlah kamu berbunuh-bunuhan sesama sendiri. Sesungguhnya Allah sentiasa mengasihani kamu.”*

(al- Nisa’: 29)

- iii. Rasulullah s.a.w bersabda yang bermaksud:

*“Sesiapa yang memberikan seorang lain pencarian yang cukup yang menyebabkan ia tidak meminta daripada orang ramai sewaktu ia susah, ia mendapat janji syurga dariku.”*

(Sunan Abu Daud)

- iv. Sabda Rasulullah s.a.w . lagi yang bermaksud:

*“Setiap orang dari kamu hendaklah mengambil seutas tali, mengikat seberkas kayu dan membawanya di belakang kamu. Kayu-kayu itu hendaklah kamu jual, dan (melalui usaha ini) mukamu akan terselamat dari kemurkaan Allah. Ini adalah lebih baik bagi kamu daripada kamu meminta-minta daripada orang ramai yang mungkin memberinya ataupun tidak.”*

(Sahih al-Bukhari)

### Syarat-syarat dan Etika Kerjaya dalam Islam

Terdapat beberapa syarat dan etika kerjaya dalam Islam iaitu:

- i. Niat ikhlas kerana Allah.
- ii. Kerja itu diharuskan dalam syariat Islam.
- iii. Tidak lalai dengan tanggungjawab terhadap Allah.
- iv. Tidak ada unsur kezaliman, penipuan, rampasan , pengkhianatan dan sebagainya.
- v. Sentiasa disertai dengan kesyukuran kepada Allah s.w.t.

Allah s.w.t. melarang manusia terlalu asyik bekerja mengumpul harta sehingga lalai daripada mengingatiNya. Firman Allah s.w.t. yang bermaksud:

*“Wahai orang-orang yang beriman! Janganlah kamu dilalaikan oleh (urusan) harta benda kamu dan anak pinak kamu daripada mengingati Allah (dengan menjalankan perintahNya). Dan (ingatlah) sesiapa yang melakukan demikian, maka mereka itulah orang-orang yang rugi. Dan belanjakanlah (dermakanlah) sebahagian dari rezeki yang Kami berikan kepada kamu sebelum seseorang dari kamu sampai ajal maut kepadanya, (kalau tidak) maka ia (pada saat itu) akan merayu dengan katanya: Wahai Tuhanku! Alangkah baiknya kalau engkau lambatkan (kedatangan ajal mati) ku – ke suatu masa yang sedikit saja lagi, supaya aku dapat bersedekah dan dapat pula aku menjadi dari orang-orang yang soleh.”*

(al-Munafiqun: 9 – 10)

Seorang muslim akan menjadikan kehidupannya di dunia sebagai jambatan untuk mengabdikan diri kepada Allah. Pesanan Allah s.w.t. dalam ayatNya yang bermaksud :

*“Wahai sekalian manusia! Bertaqwalah kepada Tuhan kamu, dan takutilah akan hari (akhirat) yang padanya seseorang ibu atau bapa tidak dapat melepaskan anaknya dari azab dosanya, dan seseorang anak pula tidak juga dapat melepaskan ibu atau bapanya dari azab dosa masing-masing sedikit pun. Sesungguhnya janji Allah itu adalah benar, maka janganlah kamu diperdayakan oleh kehidupan dunia, dan jangan pula kamu diperdayakan oleh bisikan dan ajakan syaitan yang menyebabkan kamu berani melanggar perintah Allah.”*

(Luqman: 33)

## Konsep Ibadah Menurut Islam

### Pengertian Ibadah

Pernyataan ibadah bermaksud tunduk. Ibadah diambil dari bahasa Arab dengan kata dasar *abad-ya'budu-ibadah* yang bererti merendahkan diri, tunduk, patuh dan taat (al-Qardhawi 1981). Sheikh Ibn Taimiyyah (1983) pula dalam kitab Ubudiyahnya ada mengatakan bahawa:

*“Ibadah asal maknanya kehinaan tetapi ibadah yang diperintah Allah s.w.t. atau yang disyorkan ke atas manusia merangkumi bersama makna kehinaan dan kecintaan iaitu kemuncak kehinaan iaitu kehinaan diri seorang bila berhadapan dengan Allah dan kemuncak kecintaannya kepadaNya.”*

Al-Tabari (t.t.) seorang ahli tafsir al-Quran menjelaskan maksud ibadah sebagai taat, tunduk, patuh dan merendahkan diri sepenuhnya kepada Allah s.w.t. dan mengakui serta meyakini bahawa Allah sahajalah yang layak menjadi tumpuan segala ketaatan, tunduk patuh, merendahkan diri, takut dan mengharap.

Kesimpulannya, ibadah merangkumi apa saja yang dicintai dan diredhai oleh Allah s.w.t. mencakupi seluruh ucapan dan perbuatan yang tidak nampak dan nampak seperti solat, zakat, puasa, haji, berkata-kata yang benar, menunaikan amanah, berbuat baik kepada kedua orang tua, bersilatullah, memenuhi janji, menyuruh berbuat kebaikan, melarang daripada perbuatan mungkar, berperang melawan kekufuran dan kemunafikan, lemah lembut terhadap tetangga dan anak yatim, menyantuni orang miskin, ibnu sabil, hamba sahaya dan binatang, serta doa, zikir, membaca al-Quran dan sebagainya. Ia termasuk juga mencintai Allah dan Rasulullah itu sendiri, takut kepada Allah dan taubat kepadaNya, ikhlas dalam beribadah, menerima hukumNya, bersyukur atas nikmatNya, rela terhadap keputusanNya, bertawakkal kepadaNya, mengharap rahmatNya dan takut kepada siksaanNya adalah termasuk dalam beribadah kepada Allah s.w.t (Ibnu Taimiyyah 1983).

### Ruang Lingkup Ibadah dalam Islam

Islam amat istimewa hingga menjadikan seluruh kegiatan manusia sebagai ibadah apabila diniatkan dengan penuh keikhlasan kerana Allah s.w.t. demi mencapai keredhaanNya serta dikerjakan menurut cara-cara yang disyorkan olehNya. Islam tidak membataskan ruang lingkup ibadah kepada sudut-sudut tertentu sahaja. Seluruh kehidupan manusia adalah medan amal dan persediaan bekalan bagi para mukmin sebelum mereka kembali bertemu Allah s.w.t. di hari pembalasan nanti. Ruang lingkup ibadah dalam Islam sangat luas. Ia adalah seluas tempoh hayat seseorang muslim dan kesanggupan serta kekuatannya untuk melakukan apa saja amal yang diredhai Allah s.w.t. dalam tempoh tersebut.

## Pembahagian Ibadah dalam Islam

Pada dasarnya manusia dijadikan untuk beribadah kepada Allah s.w.t. Oleh itu tidak wujud pembahagian dalam konsep ibadah. Namun, untuk lebih mudah difahami tentang konsep ibadah maka para ulama telah membahagikan ibadah itu kepada ibadah khusus dan ibadah umum.

### Ibadah Umum

Ibadah umum ialah pengabdian diri secara tidak langsung (*indirect*) kepada Allah s.w.t. menerusi urusan duniawi yang bersangkutan dengan hubungan sesama makhluk yang berlandaskan akidah dan syariah Islam (Idris Ahmad 2005). Maksud hubungan sesama makhluk ialah segala bentuk hubungan kita dengan segala makhluk Allah sama ada sesama manusia, tumbuhan, haiwan, benda-benda fizik dan metafizik. Contohnya mencari rezeki yang halal untuk diri dan keluarga, menuntut ilmu, membuka industri untuk memberi peluang pekerjaan kepada orang ramai, berbaik dengan jiran tetangga, dengan haiwan, menjaga alam sekitar dan sebagainya. Janganlah dianggap ibadah itu sekitar aktiviti agama sahaja seperti mengajar agama dan berzikir sahaja yang dikatakan ibadah.

Apabila manusia dapat mengikuti segala panduan yang diberikan maka ianya dikira sebagai ibadah dan akan diberi pahala oleh Allah s.w.t. Syarat-syarat sesuatu perbuatan atau aktiviti itu dikira sebagai ibadah apabila amalan yang dilakukan itu mengikut syarat-syarat yang dikehendaki oleh syarak. Syarat-syarat tersebut ialah:

- i. Sesuatu amalan itu mestilah disertai dengan niat yang ikhlas kerana Allah s.w.t.. Ia menjadi syarat untuk menjadikan sesuatu amalan yang dilakukan itu menjadi ibadah dan seterusnya diberi ganjaran pahala oleh Allah s.w.t. sama ada perkara tersebut berupa amalan wajib, sunat ataupun harus. Firman Allah s.w.t. yang bermaksud:

*"Padahal mereka tidak disuruh kecuali supaya menyembah Allah dengan murnikan ketaatan kepadaNya dalam menjalankan agama dengan lurus dan supaya mereka mendirikan solat dan menunaikan zakat, itulah agama yang lurus."*

(al-Bayyinah: 5)

Setiap amalan yang dilakukan tanpa niat kerana Allah s.w.t. akan menjadi sia-sia sahaja dan tidak dikira sebagai suatu amalan yang diiktiraf oleh Allah s.w.t. kerana niat adalah teras kepada ibadah.

Terdapat beberapa perkara atau perasaan yang boleh merosakkan amalan manusia dan menghalang perasaan ikhlas di hati manusia iaitu (Nik Mohd Rosdi & Nik Kamaliah 1997):

- a. Takbur ialah suatu sikap membesarkan diri atau sombong dan angkuh dengan kelebihan yang ada pada diri. Sifat ini wujud dalam diri Iblis sehingga ia dilaknat Allah s.w.t. Sabda Rasulullah s.a.w. yang bermaksud:

*"Tidak masuk syurga mereka yang terdapat dalam hatinya seberat zarah sifat takbur."*

(Riwayat Muslim)

- b. Riya' iaitu perasaan ingin menunjuk-nunjuk amalan baik yang dikerjakan kepada orang lain dengan tujuan mendapat pujian dan sanjungan masyarakat. Perasaan seperti ini akan mengakibatkan kemusnahan amalan yang dilakukan dan terdedah kepada syirik khafi (tersembunyi). Rasulullah s.a.w. pernah bersabda yang bermaksud:

*"Perkara yang paling aku bimbang menimpa kamu ialah syirik yang paling kecil." Lalu Baginda s.a.w. ditanya mengenainya. Baginda s.a.w. bersabda: "Itulah al-Riya'."*

(Riwayat Ahmad)

- c. 'Ujub iaitu perasaan hairan dan kagum dengan amalan sendiri serta berperasaan sombong dalam melakukan sesuatu amal. Kebiasaannya orang yang mengalami penyakit ini sentiasa memandang dirinya hebat dan kuat dan memandang rendah dan memperlekehkan orang lain.
- d. Sum'ah iaitu sifat yang wujud dalam sanubari seseorang keinginan menceritakan amalan baik yang dilakukan kepada orang lain bertujuan mendapat pujian dan sanjungan. Sifat ini lebih kurang sama seperti al-Riya'.
- e. Hasad iaitu sejenis penyakit hati yang membakar amalan baik yang dilakukan oleh seseorang. Rasulullah s.a.w. pernah bersabda yang bermaksud:

*"Hasad (dengki) itu memakan segala kebajikan sepertilah api memakan kayu."*

(Riwayat Abu Daud)

- ii. Pekerjaan yang dilakukan itu mestilah dibenarkan oleh syarak. Islam tidak hanya melihat pada niat seseorang sahaja malah Islam melihat pula setiap aktiviti yang diceburi mestilah tidak bercanggah dengan syariah Islam. Islam tidak mengiktiraf konsep “matlamat menghalalkan cara”, malah dalam konsep Islam apa saja aktiviti yang dilaksanakan mestilah semuanya dalam bentuk yang halal. Contohnya tidak menjadi ibadah seandainya seseorang itu bekerja sebagai penari di kelab malam atau bekerja di kilang arak dengan niat untuk mencari rezeki untuk menanggung keluarganya malah pekerjaan itu adalah haram di sisi Allah s.w.t. dan mendapat kemurkaan dari Allah s.w.t.
- iii. Sesuatu pekerjaan atau amalan itu mestilah mengikut syarat-syarat dan peraturan yang ditetapkan oleh Islam, tidak menzalimi orang lain, tidak khianat, tidak menipu, tidak menindas orang lain dan merampas hak-hak orang lain. Walaupun bekerja itu diwajibkan oleh Islam tetapi jika dilaksanakan tidak mengikut peraturan dan syarat-syarat yang ditentukan maka amalan itu tidak dikira sebagai ibadah dan ditolak oleh Allah s.w.t. Contohnya Solat yang dikerjakan hanya dengan niat semata-mata tanpa dilaksanakan seperti yang dilakukan oleh Rasulullah s.a.w. adalah tidak diterima. Begitu juga dengan ibadah tawaf yang disyaratkan tujuh pusingan tidak sah kalau diubah sesuka hati. Begitu juga dalam aktiviti sukan tidak menjadi ibadah sekiranya seseorang muslim itu mendedahkan auratnya ketika bersukan dengan memakai seluar pendek atau tidak menutup aurat ketika bersukan ini tidak dikira sebagai ibadah sebaliknya boleh mendapat dosa dari Allah s.w.t.
- iv. Tidak mengabaikan ibadah khusus. Ibadah khusus adalah dianggap sebagai perkara utama (*primary*) manakala ibadah umum adalah sebagai tambahan (*supplementary*). Lantaran itu, jika seseorang muslim itu ingin menjadikan seluruh kegiatan hidupnya sebagai ibadah, ia hendaklah terlebih dahulu menyempurnakan segala tuntutan Islam yang asas ke atasnya seperti solat, puasa, zakat, haji dan lain-lain. Perkara sebegini perlu diberi perhatian oleh masyarakat kerana terdapat ramai masyarakat kita yang bersungguh-sungguh dalam pekerjaan mereka tetapi mereka tidak menunaikan solat, puasa dan tidak mengeluarkan zakat bagi yang mencukupi syarat. Oleh itu, pekerjaan mereka tidak dikira sebagai ibadah dan tidak mendapat apa-apa ganjaran Allah di akhirat. Allah s.w.t. berfirman dalam yang bermaksud:

*“Lelaki-lelaki yang tidak dilalakan mereka oleh perniagaan atau jualbeli dari mengingati Allah , mendirikan solat dan mengeluarkan zakat.”*

(al-Nur: 37)

Rasulullah s.a.w. juga menyuruh umat Islam menyempurnakan ibadah solat mereka melalui Sabda Baginda s.a.w. yang bermaksud:

*“Sesungguhnya perkara yang pertama dihisab ke atas seseorang hamba pada hari kiamat ialah solatnya. Jika baik maka diterima segala amalannya dan berjayalah ia. Jika solatnya rosak maka ditolaknyalah segala amalannya dan rugilah ia.”*

Riwayat al-Turmudhi

- v. Setiap pekerjaan yang dilakukan hendaklah dengan penuh kesungguhan bukan sekadar melepaskan batuk di tangga sahaja. Maksud Sabda Nabi s.a.w.:

*“Sesungguhnya Allah suka apabila seseorang dari kamu membuat sesuatu kerja dengan memperelokkan kerjanya.”*

Riwayat Muslim

### **Ibadah Khusus**

Ibadah khusus ialah suatu bentuk pengabdian diri seorang hamba kepada Allah s.w.t. secara langsung (*direct*) bagi mendapat keredhaan Allah s.w.t. dan juga berupa segala bentuk amalan yang disebutkan secara khusus di dalam al-Quran dan al-Hadis. Ibadah khusus terbahagi kepada dua iaitu ibadah fardhu dan ibadah sunat.

Ibadah fardhu pula terbahagi kepada ibadah fardhu ain dan fardhu kifayah. Ibadah-ibadah fardhu ain ialah ibadah yang wajib dilakukan oleh setiap mukallaf iaitu sekiranya ia menunaikan ibadah tersebut ia mendapat pahala dan sebaliknya jika ditinggalkan maka sipelakunya mendapat dosa. Contohnya solat, puasa, zakat, haji dan lain-lain lagi seperti yang disebut di dalam al-Quran (Kamariah 2005).

Ibadah khusus jenis kedua ialah ibadah fardhu kifayah. Ibadah ini ialah sesuatu amalan yang wajib dilakukan oleh sebahagian daripada anggota sesuatu masyarakat Islam demi untuk kemaslahatan umat Islam. Seandainya semua orang Islam dalam komuniti tersebut tidak melakukannya maka semua orang Islam di kawasan tersebut dikira berdosa. Sebaliknya jika terdapat beberapa individu muslim melaksanakannya maka ia akan menyelamatkan seluruh umat Islam dalam komuniti tersebut daripada dosa. Contoh ibadah fardhu kifayah ialah menguruskan jenazah, mempelajari dan mengamalkan bidang-bidang profesional yang mendatangkan manfaat kepada umat Islam seperti

ilmu perubatan, kejuruteraan, pengurusan perniagaan dan lain-lain lagi. Sementara ibadah sunat pula merupakan suatu amalan yang jika dilakukan akan mendapat pahala manakala jika ditinggalkan maka sipelakunya tidak pula berdosa (Kamariah 2005).

Kesimpulannya, pembahagian ibadah khusus dan ibadah umum menunjukkan bahawa Islam adalah *ad-din* (cara hidup) yang syumul dan kamil yang mencakupi seluruh aspek kehidupan manusia. Umat Islam berpeluang mengutip pahala daripada Allah setiap masa dalam apa saja aktiviti bukan sahaja dalam ibadah khusus bahkan juga dalam apa saja profesion yang diceburi walaupun nampaknya berbentuk keduniaan dengan syarat memenuhi lima syarat yang disebutkan di atas. Ibadah mengandungi nilai-nilai yang agung membawa efek baik kepada yang melaksanakannya maupun kepada orang lain. Ia merupakan manifestasi rohaniah, pengagungan terhadap zat yang Maha Kuasa dan pelepasan kerinduan jiwa kepada Pencipta alam semesta.

### Tanggungjawab Pensyarah UiTM

Setiap pensyarah UiTM perlu memahami hala tuju UiTM iaitu dari segi falsafah, visi, misi dan matlamat pendidikan UiTM iaitu (Universiti Teknologi MARA 2004: 2 -3):

#### i. Falsafah UiTM

Kepercayaan bahawa individu mampu berusaha untuk mencapai kecemerlangan melalui pemindahan ilmu serta penerapan nilai-nilai murni bagi melahirkan graduan professional yang berperanan membangunkan diri, ilmu, masyarakat dan Negara.

#### ii. Visi UiTM

Menjadikan UiTM sebuah universiti unggul yang berteraskan keserjanaan dan kecemerlangan akademik bagi menerajui dinamisme bumiputera dalam semua bidang professional bertaraf dunia supaya terlahir graduan yang berdaya saing, global dan beretika.

#### iii. Misi UiTM

Mempertingkatkan keilmuan dan kepakaran bumiputera dalam semua bidang menerusi penyampaian program professional, penyelidikan serta penglibatan khidmat masyarakat yang berlandaskan kepada nilai-nilai murni dan etika keprofesionalan.

#### iv. Matlamat Pendidikan UiTM

Matlamat Pendidikan UiTM adalah bertujuan untuk melahirkan graduan bumiputera professional yang berpengetahuan luas, berkemahiran dan beretika serta mempunyai sikap untuk meningkatkan pengetahuan dan kemahiran seumur hidup melalui penyelidikan dan penerokaan ilmu demi untuk pembangunan bangsa, masyarakat dan negara.

Melalui pemahaman terhadap falsafah, visi, misi dan matlamat pendidikan UiTM seseorang pensyarah sebenarnya mempunyai tanggungjawab yang besar sebagai seorang pensyarah iaitu:

- i. Tanggungjawab kepada profesion
- ii. Tanggungjawab kepada siswa siswi
- iii. Tanggungjawab kepada rakan sejawat
- iv. Tanggungjawab kepada UiTM
- v. Tanggungjawab kepada masyarakat dan negara

Oleh itu, setiap pensyarah UiTM dalam profesionnya tertakluk kepada tiga peranan penting universiti (Universiti Teknologi Mara 2005) iaitu:

- a. Pengajaran
- b. Penyelidikan atau perundingan atau penulisan
- c. Khidmat masyarakat atau persatuan profesional

Kegiatan mengajar dan menyelidik sebenarnya bertujuan untuk memberi sumbangan kepada komuniti universiti dan juga membantu masyarakat umum mencapai cita-cita dan matlamat mereka. Dalam hal ini, universiti menjadi tempat rujukan untuk percambahan idea-idea baru serta memperkembang dan menghalusi idea-idea sedia ada. Universiti seharusnya menjadi gedung ilmu yang boleh digunakan oleh masyarakat.

Peranan sesebuah universiti di Malaysia hari ini bukanlah sebagai penyampai dan penyalur ilmu semata-mata kerana ia berkembang dan bersifat kreatif. Ia harus merubah dan mengaplikasikan ilmu menerusi aktiviti-aktiviti penyelidikan dan ilmiah untuk memenuhi minat dan permintaan sosial, industri dan politik negara. Oleh itu, fungsi



pengajaran dan penyelidikan harus dikaitkan dengan perkembangan-perkembangan yang sedang berlaku dengan persekitaran luar. Hanya jika ini dilakukan barulah universiti dikatakan relevan dan berfungsi sepenuhnya (Robiah 1998: 162).

Dalam masa yang sama setiap pensyarah di UiTM tertakluk kepada nilai dan etika pensyarah UiTM dalam menjalankan tugas sebagai pensyarah iaitu:

- i. Integriti
- ii. Akauntabiliti
- iii. Menghargai Masa
- iv. Dedikasi
- v. Tawaddu'
- vi. Penambahbaikan Berterusan
- vii. Berdisiplin
- viii. Bekerjasama
- ix. Kesarjanaan
- x. Bersyukur

Pensyarah yang memahami tanggungjawabnya akan sanggup berkerja keras dan berkorban masa dan tenaga demi mendidik dan membangun anak bangsa menjadi insan yang berguna kepada agama, bangsa dan negara.

### Kajian Kefahaman Pensyarah UiTM Pahang terhadap Konsep Ibadat

Satu soal selidik ringkas telah dijalankan di kalangan pensyarah Islam UiTM Pahang berkaitan pemahaman mereka terhadap kerjaya pensyarah dan konsep ibadah. Sebanyak lapan puluh borang telah diedarkan dan 60 respon (75%) telah dikembalikan.

Hasil soal selidik menunjukkan 59 daripada 60 orang pensyarah (bersamaan 98%) memahami konsep ibadah menurut Islam.

Jadual 1: Bilangan Respon

Faham Konsep Ibadah Menurut Islam	Bilangan	% daripada 60 orang
Ya	59	98
Tidak	1	2
<b>Jumlah</b>	<b>60</b>	<b>100</b>

Seramai 52 orang pensyarah yang memahami konsep ibadah menurut Islam menyatakan bahawa konsep-konsep tersebut adalah seperti berikut:-

- i. Niat kerana Allah s.w.t.
- ii. Tidak bercanggah dengan hukum syarak
- iii. Bekerja dengan bersungguh-sungguh
- iv. Tidak melalaikan perintah wajib seperti solat, menutup aurat
- v. Bersyukur dengan nikmat Allah

Manakala 7 yang lain menyatakan konsep ibadah adalah terdiri dari niat sahaja, niat dan bersyukur dengan nikmat Allah sahaja atau tidak bercanggah dengan hukum syarak dan bekerja dengan bersungguh-sungguh. Walau bagaimanapun, seorang pensyarah yang tidak faham konsep ibadah menurut Islam telah memilih ke lima-lima konsep yang disenaraikan di atas.

Kesemua responden sedar bahawa kerjaya ini adalah satu cabang ibadah. Menurut kajian ringkas ini adalah sebab-sebab utama mereka memilih kerjaya pensyarah kerana ianya merupakan cita-cita utama, ingin berkongsi ilmu dengan para pelajar dan lain-lain.

Jadual 2: Sebab-sebab Memilih Kerjaya Pensyarah

	Bilangan	% daripada 60 orang
Cita-cita Utama	19	32
Ingin berkongsi ilmu dengan pelajar	33	55
Lain-lain	8	13
<b>Jumlah</b>	<b>60</b>	<b>100</b>

Sebab-sebab lain yang diberikan seperti bertukar kerjaya, fleksibel, sesuai dengan diri dan ianya adalah kerjaya yang mulia.

Sejumlah 49 responden menyatakan bahawa kerjaya pensyarah tidak membebankan, sedangkan 11 yang lain menjawab sebaliknya.

Jadual 3: Kerjaya Pensyarah Membebankan

	Bilangan	% daripada 60 orang
Ya	49	82
Tidak	11	18
<b>Jumlah</b>	<b>60</b>	<b>100</b>

Mereka yang menyatakan kerjaya pensyarah sesuatu yang membebankan memberi sebab-sebab seperti permintaan pihak pengurusan yang terlalu tinggi dan terlalu banyak kerja yang harus dilaksanakan.

Jadual 4: Sebab-sebab Kerjaya Pensyarah Membebankan

	Bilangan	% daripada 11 orang
Permintaan pihak pengurusan yang terlalu tinggi	9	82
Terlalu banyak kerja	2	18
<b>Jumlah</b>	<b>11</b>	<b>100</b>

Rumusannya, sebilangan besar pensyarah UiTM Pahang memahami konsep ibadah dalam Islam. Bagi mereka, kerjaya ini tidak membebankan dan ianya merupakan satu landasan di mana perkongsian ilmu di antara para pelajar dan pensyarah dapat dilaksanakan. Walau bagaimanapun, sebilangan kecil pensyarah yang ada kalanya merasai bahawa kerjaya ini membebankan kerana permintaan pihak pengurusan yang terlalu tinggi seperti syarat-syarat pengesahan jawatan dan kenaikan pangkat. Mungkin juga jumlah beban tugas yang bertambah menyebabkan para pensyarah merasai satu tekanan yang sukar ditangani.

## Rumusan

Daripada kajian yang telah dijalankan terhadap para pensyarah UiTM Pahang adalah didapati bahawa secara keseluruhannya mereka memahami tentang kaitan kerjaya mereka dengan konsep ibadah dalam Islam. Pemahaman ini sangat penting bagi memastikan tanggungjawab harian yang dijalankan para pensyarah dalam mendidik anak bangsa adalah dengan penuh ikhlas dan bersungguh-sungguh bagi mendapatkan keredhaan di sisi Allah s.w.t. Sesuatu pekerjaan yang mendapat keredhaan daripada Allah s.w.t. pastinya mendapat pahala di sisiNya. Manakala para pensyarah yang merasakan kerjaya mereka membebankan pula hendaklah sentiasa memastikan niat mereka dalam bekerja tidak lari dari ingin mendapatkan keredhaan Allah s.w.t. walau sesukar mana keadaan yang ditempuhi. Ini kerana dikhuatiri pekerjaan yang baik tetapi tidak disertakan dengan niat kerana Allah s.w.t. tidak akan mendapat pahala ibadah dan merupakan amalan yang tidak diberkatiNya. Kerjaya mulia sebagai pensyarah ini sebenarnya boleh mendatangkan musibah atau dosa sekiranya ia dilaksanakan untuk menunjuk-nunjuk kehebatan diri dan ilmu yang dimiliki serta inginkan pujian daripada manusia lain semata-mata dan bukan untuk mendapat keredhaan daripada Allah s.w.t.



## Rujukan

- Al-Tabari & Abu Ja'far Muhammad bin Jarir. (t.t.). *Jami' al-Bayan Al-Ta'wil al-Qur'an*. Tahqiq Mahmud Muhammad Syakir, juz. 1, Misr: Dar al-Ma'arif.
- Al-Qur'an al-Karim.
- Al-Qardhawi, Yusuf. (1981). *Ibadah Dalam Islam*. H. Muammal Hamidy (terj.). Bangi: Pustaka Abd. Muis.
- Amina Haji Noor. (1997). *Beberapa Masalah Umat Islam Masa Kini*. Selangor: Pustaka Ilmi.
- Fathi Yakkam. (1985). *Apa Erti Saya Menganut Islam*. Alias Othman (terj.). Kuala Lumpur: Pustaka Salam.
- Hakim Mohamed Said. (1989). *Hubungan Majikan Pekerja Menurut Islam*. Kuala Lumpur: A.S. Noordeen.
- Ibnu Taimiyah. (1983). *Al'ubudiyah*. Mu'ammal Hamidy (terj.). Singapura: Pustaka Nasional.
- Idris Ahmad. (2005). *Teks Usrah Peringkat Pengenalan*. Kuala Lumpur: Sarjana Media.
- Ismail Hj Ibrahim. (1984). *Ibadah Dan Pembangunan*. Universiti Islam Antarabangsa: Unit Bahasa Arab.
- Kamariah Yusuf. (2005). *Ibadah : Pengertian, Pembahagian Dan Keistimewaan* dlm. Kertas Kerja Bengkel Pemantapan Pengajaran CITU Universiti Teknologi Mara Shah Alam.
- Kamus Dewan*. (2002). Edisi Ketiga. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka
- Labib al- Said. (1987). *Pekerjaan dan Kaum Buruh Satu Analisa dari Sudut Islam*. Shah Alam: Penerbitan Hizbi.
- Nasruddin Razak. (1982). *Dienul Islam*. Bandung: Pustaka al-Ma'arif.
- Nik Mohd.Rosdi Nik Ahmad & Nik Kamaliah. (1997). *Kenalilah Al-Islam*. Kota Bharu: Pustaka Aman Press.
- Robiah Sidin. (1998). *Pemikiran dalam Pendidikan*. Shah Alam: Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd.
- Udah Mohsin. ( 1987). *Kesan Ibadah dalam Pembentukan Akhlaq Seorang Muslim*. Shah Alam: Pustaka Hizbi.
- Universiti Teknologi MARA. (2004). *Penstrukturan Universiti Teknologi Mara 2001-2010*.
- Universiti Teknologi MARA. (2005). *Perutusan Naib Canselor Sempena Tahun 2005*.